

Doa Orang Mukmin

Daripada Zaid bin Arqam RA katanya, Rasulullah SAW berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ، وَالْكَسَلِ، وَالْهَرَمِ، وَعَذَابِ الْقَبْرِ، اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، وَزَكَّاهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيِّهَا وَمَوْلَاهَا، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada sifat lemah, malas, tua (letih) dan azab kubur. Ya Allah, berilah kepada jiwaku ketakwaan, sucikanlahnya, dan Engkaulah sebaik yang mensucikannya, Engkaulah sebagai wali dan tuannya. Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada ilmu yang tidak bermanfaat, daripada hati yang tidak khusyuk, daripada nafsu yang tidak kenyang dan daripada doa yang tidak mustajab.”

Riwayat Muslim di dalam al-Sahih (4/2088), no. (2722)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Sebenarnya berani yang digalakkan dan disuruh ialah berani yang bersifat positif sahaja. Dengan kata lain, berani pada tempatnya dan mendatangkan kebaikan kepada diri sendiri dan kepada orang lain.
2. Berani yang sebenar ialah tekad dan azam untuk terus melakukan sesuatu yang sudah dipertimbangkan baik dan buruknya, kemungkinan dan kemustahilannya. Dengan kata lain, berani dan takut tidak selamanya

berlawanan. Walaupun takut tetapi terus dilakukan, maka ia sudah dinamakan berani juga.

3. Sebagai contoh ialah berani hanya kepada yang disuruh Allah SWT. Berani seperti ini adalah sikap mental yang mendorong sikap rajin dan hati-hati, kerana dengan adanya sifat ini, manusia akan merasa bahawa segala gerak-gerinya hanyalah untuk mencari keredaan Allah SWT dan sedar bahawa dia sentiasa dalam pengawasan-Nya.
4. Berani hanya kepada yang benar bermakna takut melakukan perbuatan yang salah dan maksiat. Sedangkan takut seperti ini adalah didorong oleh perasaan takut kepada Allah SWT. Ibn Qudamah al-Maqdisi Rahimahullah menerangkan bahawa takut kepada Allah mendorong untuk mengamalkan ilmu pengetahuan dan untuk lebih banyak beramal. Ini kerana ilmu dan amal itu sendiri akan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.
5. Dalam melaksanakan tugas seringkali berbuat salah dan silap, maka hal ini boleh meruntuhkan kredibiliti. Justeru, lakukanlah seperti berikut:
 - Kunci utamanya adalah secara sedar anda mesti selalu belajar, melatih diri, mengembangkan kemampuan, wawasan serta keterampilan, anda secara sistematis dan berkesinambungan sehingga selalu mempunyai persiapan yang memadai untuk melaksanakan tugas.
 - Awallah selalu, dengan membuat perancangan yang baik dan persiapan yang matang, kerana gagal dalam merancang sama dengan merancang suatu kegagalan.
 - Jangan lupa selalu semak dan membuat semakan semula, anda tidak boleh melakukan sesuatu semakan tanpa semakan semula. Sangat banyak kemungkinan kesalahan atau kegagalan yang dapat diselamatkan dengan sikap yang selalu mengadakan semakan ulangan.
 - Laksanakan segala sesuatu dengan kesungguhan, sikap berhati-hati dan cermat, jangan anggap remeh kelalaian dan jangan terburu-buru kerana semua itu menjadi punca kesalahan dan kegagalan.
 - Selalu sempatkan diri untuk menilai semula setiap apa yang anda lakukan. Percayalah merenung sebentar untuk menilai semula membuat karya anda akan lebih bermutu.
 - Nikmatilah usaha menyempurnakan apa yang boleh dilakukan, jangan

sekali-kali berpuas hati dengan setengah-setengah, jangan pula berpuas hati dengan 90%, kalau anda boleh menyempurnakannya, mengapa tidak?

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Terlalu ramai orang yang tidak mahu menetapkan cita-cita yang tinggi bagi dirinya atau bahkan lalai untuk memilih kerjaya kerana mereka takut kepada kritikan daripada keluarga dan sahabat yang mungkin menyebut: "Jangan bercita-cita terlalu tinggi, orang akan berfikir engkau gila."
- ❖ **Pujangga berkata:** Kebanyakan yang ditakuti orang itu tidak pernah berlaku. Kebanyakan berita-berita yang menakutkan itu tidak pernah berlaku. Di sisi Allah sahaja semua kecukupan, dan di sisi Allah sahaja semua pengawasan dan pertolongan.

Kisah Teladan

Seorang sahabat mulia yang bernama al-Khansa' al-Nakhaiyah R. Anha bergegas menuju ke peperangan al-Qadisiyah, sementara orang lain sudah berbaris untuk berperang. Kaum muslimin berada dalam satu tempat dan kaum kafir juga berada dalam satu tempat yang lain. Kedua tentera saling berhadapan. Hizbullah (tentera Allah) berada dalam satu sudut, sementara Hizbu Syaitan (tentera syaitan) berada pada sudut yang lain, bendera لا إله إلا الله ditinggikan di sini, sementara bendera kebatilan ditinggikan di sana.

Maka al-Hamzah menghadap kiblat seraya mengangkat tangan dan berdoa: Ya Allah, pada saat ini saya tidak mempunyai sesuatu yang lebih berharga daripada keempat-empat anak yang saya miliki. Ya Allah, saya telah menyerahkan mereka semua kepada-Mu. Ya Allah, berikanlah kepada mereka *al-Syahadah* (mati syahid) pada hari ini.

Al-Khansa' mendatangi keempat-empat orang anaknya, padahal dia tidak lagi mempunyai orang yang akan memberi nafkah untuknya selain daripada mereka. Dan dia tidak ada orang yang paling dia cintai selain daripada keempat-

empat anak itu, sementara bapa mereka sudah meninggal dunia.

Al-Khansa' berkata kepada mereka: Wahai anak-anakku! Berangkatlah kalian, mandilah dan pakailah kain kafan kalian, kalian mesti berani menghadapi kematian! Merekapun bergegas pergi mandi dan memakai kain kafan, lalu mereka mendatangi ibu tercinta. Al-Khansa' berkata kepada mereka: Demi Allah, saya tidak berkhianat kepada bapa kalian dan saya tidak menipu bapa saudara kalian. Demi Allah, kalian ini adalah anak-anak daripada seorang lelaki (pejuang).

Sesungguhnya saya sudah berniat kerana Allah untuk mengikhhlaskan kalian pada hari kiamat kelak dan mempersembahkan kalian pada hari ini. Apabila kalian berangkat, ikhlaslah niat hanya untuk لا إله إلا الله semata-mata dan saya tidak akan melihat kalian lagi kecuali pada hari kiamat kelak.

Tatkala peperangan berakhir, orang ramai pun memberikan khabar gembira kepadanya. Mereka berkata: Sesungguhnya keempat-empat anakmu telah mati syahid. Diapun tersenyum bahagia. Ini adalah kegembiraan seorang hamba yang beriman. Seorang penyair berkata:

*Kegembiraan telah meresapi diriku sehingga besar luapan,
Sehingga kegembiraanku membuat aku menangis.*

Al-Khansa' berkata: Segala puji bagi Allah yang telah meninggikan darjat saya! Ya Allah, terimalah mereka di sisi-Mu. Allah SWT berfirman:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Maksudnya: (Iaitu) di hari harta dan anak-anak lelaki tidak berguna kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih.

(Surah al-Syuara': 88-89)